KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	07.02.22	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	PERHILITAN			

Harimau belum masuk perangkap

KUALA TERENGGANU – Harimau belang yang didakwa berkeliaran di sekitar Kampung Chabang, Kerteh, Kemaman belum memasuki perangkap yang dipasang sejak tiga minggu lalu.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu, Loo Kean Seong berkata, pemantauan terus dilakukan di kawasan itu dan berharap penduduk berhati-hati.

"Jika memerlukan penduduk melalui kawasan yang menjadi laluan atau lokasi harimau itu berkeliaran khususnya pada awal pagi atau lewat petang, pastikan mereka membawa wisel atau alat mengeluarkan bunyi kuat.

"Ia boleh digunakan jika diri terancam dan ada tanda-tanda harimau mahu menyerang apabila terserempak haiwan itu. Jika tidak, terus beredar dari kawasan tersebut dan segera maklumkan kepada Perhilitan," katanya ketika dihubungi pemberita.

Menurut Kean Seong, siasatan awal mendapati, harimau belang tersebut dipercayai haiwan sama yang ditemui di Kampung Santong, Paka, Dungun sebelum ini dan disyaki datang dari hutan simpan berhampiran.

Beliau berkata, harimau jarang berdepan dengan manusia kerana ia akan lari apabila mendengar bunyi dan kebiasaannya ia menyerang sekiranya benar-benar kelaparan.

"Jika ada yang terjumpa dengan anak harimau, jangan sesekali mendekatinya bagi mengelak diserang oleh haiwan itu kerana selalunya 'si ibu' ada di kawasan berhampiran.

"Semua maklumat ini penting bagi mendidik masyarakat cara mengelak konflik atau apa yang perlu dilakukan jika terserempak dengan harimau kerana habitat semula jadinya ada di kawasan berhampiran," katanya.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan kawasan rekreasi di Hutan Lipur Air Terjun Menderu di Kampung Chabang, Kerteh, ditutup sementara kepada semua pengunjung sebagai langkah waspada mengelak ancaman harimau belang yang dipercayai berkeliaran di kawasan itu.

Menurut Jabatan Perhutanan Terengganu, penutupan kawasan itu berkuat kuasa Selasa sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Penduduk di kampung itu turut diselubungi ketakutan kerana bimbang diserang harimau belang di situ.

Keadaan itu menyebabkan mata pencarian penduduk terjejas kerana ada di antara mereka tidak keluar ke kebun sejak tiga minggu lalu.

Laporan *Sinar Harian* pada 2 Februari lalu.



Notis penutupan akibat ancaman harimau ditampal pada pintu masuk Kawasan rekreasi di Hutan Lipur Air Terjun Menderu di Kampung Chabang, Kerteh, Kemaman.